



"ZAKAT : RAHMAT BUAT UMMAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ
بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ سِرًّا وَعَلَانِيَةً فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ
رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ
وَأَيَّيَ بَتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Bertaqwalah kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar ketaqwaan dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Ingatlah bahawa segala amal perbuatan kita akan disoal oleh Allah SWT di akhirat kelak.

Zakat adalah salah satu rukun Islam yang wajib ditunaikan oleh orang Islam yang mencukupi syarat-syaratnya. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Islam didirikan di atas lima perkara, iaitu bersaksi bahwa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan, dan mengerjakan haji ke Baitullah bagi sesiapa yang berkemampuan."

(Muttafaq 'Alaih)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Zakat merupakan salah satu bukti kesyumulan ajaran Islam. Ini kerana, Islam bukan hanya mengajar umatnya memelihara hubungan dengan pencipta yang Maha Esa dengan melakukan ibadah seperti solat, zikir, puasa dan ibadah lain yang berbentuk kerohanian. Akan tetapi, Islam turut mengajar umatnya agar memelihara hubungan sesama manusia dengan memberikan harta kekayaan yang dimiliki untuk dikongsi bersama orang yang sangat memerlukan. Bahkan, pensyariatan zakat merupakan bukti bahawa Islam adalah agama yang mengambil berat tentang sistem ekonomi, sosial, pembangunan fizikal, pendidikan dan seluruh aspek kehidupan manusia.



Atas dasar itulah, Allah SWT telah menurunkan panduan kepada umat Islam dengan menentukan siapakah golongan yang layak menerima zakat.

Firman Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat 60 :

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ
عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ
وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ
وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

"Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir dan orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang muallaf yang dijinakkan hatinya (dengan Islam), dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang musafir (yang putus bekalan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah. (Ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana".

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Jelaslah, bahawa golongan yang berhak menerima zakat telah ditentukan oleh Allah SWT yang Maha Bijaksana.

Pengagihan dan penyaluran zakat adalah matlamat utama kenapa ibadah ini disyariatkan kepada umat Islam. Meraka yang tidak tergolong



dalam asnaf yang dinyatakan dalam ayat di atas, adalah tidak layak menerima zakat, bahkan haram menerimanya kerana ia sebenarnya telah mengambil hak asnaf yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Bahkan, menurut pendapat sebahagian ulama, orang yang mengeluarkan zakat dengan menyerahkannya kepada golongan yang bukan asnaf, hukum zakatnya adalah tidak sah dan ia masih tidak terlepas daripada kewajipan mengeluarkan zakat.

Oleh itu, zakat mesti diberikan kepada orang-orang yang berhak menerimanya berdasarkan hukum yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Dalam hal ini, Ziad bin Harith menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w telah didatangi oleh seorang lelaki yang meminta zakat lalu Nabi s.a.w. bersabda;

إِنَّ اللَّهَ لَمْ يَرْضَ بِحُكْمِ نَبِيِّ وَلَا غَيْرِهِ فِي
الصَّدَقَاتِ حَتَّى حَكَمَ فِيهَا. فَجَزَّأَهَا ثَمَانِيَةَ
أَجْزَاءٍ, فَإِنْ كُنْتَ مِنْ تِلْكَ الْأَجْزَاءِ
أَعْطَيْتُكَ حَقَّكَ.

"Sesungguhnya Allah SWT tidak meredhai Nabi-Nya dan orang lain untuk menentukan hukum dalam permasalahan (pemberian) zakat. Hanya Allah SWT sahajalah yang berhak untuk menentukannya, dan Dia telah



menentukannya kepada lapan golongan. Sekiranya engkau termasuk di antara golongan itu, maka aku akan berikan hakmu".

(Riwayat Abu Daud)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Berdasarkan panduan Al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w. inilah maka Lembaga Zakat Selangor sebagai Amil zakat di negeri ini, berusaha sedaya-upaya untuk mengagihkan harta zakat kepada golongan yang sangat memerlukan bantuan. Sesungguhnya, usaha ini tidak akan mencapai kejayaan tanpa sokongan dan dokongan pembayar-pembayar zakat yang telah mengeluarkan harta mereka untuk diserahkan kepada asnaf-asnaf penerima zakat semata-mata demi mentaati perintah Allah SWT dan mengharapkan keredhaan-Nya.

Berdasarkan penyata kutipan dan agihan zakat bagi tahun 2010, Lembaga Zakat telah berjaya mengutip sebanyak **RM336.9 juta**. Dalam tempoh yang sama juga, Lembaga Zakat telah berjaya mengagihkan sebanyak **RM330.4 juta** melalui pelbagai jenis bantuan dan program pembangunan kepada 8 golongan asnaf. Ini bermakna, Lembaga Zakat telah mengagihkan sebanyak 97% zakat kepada umat Islam di negeri Selangor.

Pada tahun 2010, asnaf fakir dan miskin telah menerima agihan sebanyak **RM127.2 juta** melalui bantuan seperti kewangan dan makanan bulanan, pembinaan dan pembaikan rumah, bantuan modal perniagaan, biasiswa pendidikan dan sebagainya. Melalui bantuan ini, seramai 21,000 asnaf fakir miskin di Negeri Selangor telah mendapat manfaat yang cukup besar untuk meneruskan kehidupan mereka. Bahkan, anak-anak mereka turut berpeluang untuk mendapat pendidikan yang sempurna



sebagaimana anak-anak orang lain melalui bantuan yuran sekolah, biasiswa pendidikan dan keperluan pendidikan.

Diharapkan, anak-anak asnaf ini suatu hari kelak akan dapat membela dan mengubah nasib ibubapa mereka yang serba kekurangan. Tidak mustahil, bahawa suatu hari nanti penerima-penerima zakat ini akan berubah menjadi pembayar-pembayar zakat.

Sementara itu, asnaf muallaf pula telah menerima agihan sebanyak **RM19.9 juta** melalui program seperti kursus dan latihan, pembinaan dan pembaikan rumah, sumbangan kepada Badan dan Persatuan Muallaf, saguhati galakan saudara baru, bantuan modal dan pelbagai lagi program yang dapat mendidik dan membantu mengukuhkan akidah, kefahaman dan pembangunan diri.

Alangkah besarnya pahala yang diperolehi oleh pembayar-pembayar zakat yang telah mengeluarkan zakat mereka untuk digunakan bagi memelihara akidah dan kefahaman saudara-saudara baru yang sedang berjinak-jinak dengan Islam.

Sabda Rasulullah s.a.w. :

فَوَاللَّهِ لَأَنْ يَهْدِيَ اللَّهُ بِكَ رَجُلًا خَيْرٌ لَكَ مِنْ
أَنْ يَكُونَ لَكَ حُمْرُ النَّعَمِ.

"Demi Allah, sungguh sekiranya Allah memberi hidayah kepada seseorang dengan sebab engkau, itu lebih baik bagimu daripada kamu memiliki unta merah."
(Riwayat Al-Bukhari)



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Bagi memelihara kesucian akidah dan pemurnian akhlak masyarakat Islam, sebanyak **RM2.5 juta** telah diagihkan bagi asnaf ar-Riqab melalui program pemulihan akidah dan pemulihan akhlak yang diuruskan oleh Majlis Agama Islam Selangor.

Lembaga Zakat juga telah mengagihkan sebanyak **RM29.1 juta** bagi asnaf Gharimin melalui program seperti bantuan rawatan dialisis dan sumbangan mesin dialisis, hutang perubatan, hutang keperluan hidup dan pengurusan jenazah tanpa waris. Sesungguhnya, bantuan ini sangat bermanfaat untuk membantu golongan yang menghadapi penyakit kritikal.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Betapa mulianya hati orang yang membayar zakat, kerana harta mereka digunakan untuk membantu saudara-saudara Islam yang sedang ditimpa ujian dan musibah penyakit. Inilah di antara kemuliaan ajaran Islam yang mengajar umatnya untuk merasai susah senang kehidupan bersama-sama. Rasulullah s.a.w bersabda:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ
وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ الْوَاحِدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ
عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ
وَالْحُمَى.



"Perumpamaan orang yang beriman dalam kasih sayang, kecintaan dan kelemah-lembutan diantara mereka adalah bagaikan satu tubuh, apabila ada satu anggotanya yang sakit maka seluruh tubuhnya yang lain juga akan merasakan demam dan tidak boleh tidur."

(Muttafaq 'Alaih)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Bagi asnaf Fisabilillah pula, sebanyak **RM108.3 juta** telah diagihkan untuk menyokong usaha murni perjuangan menegakkan agama Islam dan menghidupkan syiar Islam. Usaha ini dapat dilihat melalui peruntukan **RM26 juta** untuk membayar elaun guru-guru Fardhu Ain yang berjuang demi memastikan anak-anak Islam di Selangor mendapat pendidikan ilmu dan penghayatan agama yang terbaik.

Wang zakat sebanyak **RM7.1 juta** turut disalurkan kepada persatuan dan badan-badan Islam yang berusaha melaksanakan usaha-usaha dakwah Islam dan program Amar Makruf dan Nahi Mungkar. Walaupun mereka yang membayar zakat tidak terlibat dalam usaha yang dijalankan oleh badan-badan tersebut, tetapi yakinlah bahawa pahala dan ganjaran Allah pasti akan diperolehi oleh mereka yang telah menyumbangkan hartanya dengan berzakat demi mengharapkan redha Allah SWT.

Firman Allah dalam surah as-Soff ayat 9-10:

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِأُحْسَنِ الْبَيِّنَاتِ وَأَنَّ الْإِسْلَامَ دِينُ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ
عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ ﴿٩﴾ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ



ءَامِنُوا هَلْ اَدُّكُمۡ عَلٰۤى تَجَرَّةٍ تُنۡجِيۡكُمۡ مِّنۡ عَذَابِ اَلِيۡمٍ



"Dialah Yang telah mengutus Rasul-Nya (Muhammad s.a.w) dengan membawa hidayah dan agama yang benar (agama Islam), supaya Dia memenangkannya dan meninggikannya atas segala agama yang lain, walaupun orang musyrik membacanya. Wahai orang yang beriman! Mahukah Aku tunjukkan suatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu daripada azab yang pedih?"

Selain itu, Lembaga Zakat juga telah menyalurkan sebanyak **RM14.6 juta** untuk program Bantuan Umum Pelajaran bagi membiayai kos pendidikan masyarakat Islam di negeri Selangor samada di peringkat sekolah rendah, menengah, sijil, diploma, ijazah dan pasca ijazah. Sebanyak **RM8.2 juta** turut disalurkan untuk membiayai dermasiswa pelajar di luar negara khususnya di Timur Tengah dalam pelbagai bidang seperti pengajian Islam, perubatan, ekonomi Islam dan bahasa Arab.

Usaha ini diharapkan dapat memberi peluang kepada umat Islam di negeri Selangor untuk mendapat pendidikan yang sepatutnya di samping melahirkan pelapis ilmunan, profesional, pemimpin dan ulama pada masa akan datang.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Walau bagaimanapun, masih terdapat kekurangan dan kelemahan dalam usaha pengagihan zakat yang dilaksanakan selama ini. Kadangkala berlaku keciciran asnaf yang layak menerima zakat. Pelbagai usaha,



aktiviti dan program telah dilaksanakan. Bagi mengatasi permasalahan tersebut, pihak Lembaga Zakat menyeru seluruh masyarakat untuk sentiasa prihatin dan menyampaikan maklumat mereka yang benar-benar memerlukan bantuan zakat kepada kepada pihak Lembaga Zakat .

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Sesungguhnya, zakat adalah rahmat yang dikurniakan oleh Allah kepada seluruh umat manusia. Rahmat ini bukan hanya dapat dirasai oleh penerima zakat, bahkan turut dikongsi bersama oleh pembayar zakat dan umat Islam seluruhnya.

Alangkah mulianya tangan-tangan mereka yang telah menginfakkan hartanya di jalan Allah SWT. Allah SWT amat mencintai golongan ini dan pasti akan mengurniakan mereka dengan ganjaran yang tidak ternilai harganya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَأَمَّا مَنْ أَعْطَىٰ وَاتَّقَىٰ ۖ وَصَدَّقَ بِالْحُسْنَىٰ ۖ فَسَنِيْرُهُ لِيُسْرَىٰ ۖ

“Adapun orang yang memberikan (menafkahkan hartanya) apa yang ada padanya ke jalan kebaikan dan bertaqwa (mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya, dan dia mengakui dengan yakin akan perkara yang baik. Maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesenangan (syurga)”. (Al-Lail : 5-7)



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ
إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ
عبد العزيز شاه الحاج.

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ



إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج فی
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ
وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطِّلْ عُمَرَهُمَا مُصَدِّحِيْنَ لِلْمُوَظَّفِيْنَ
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى
وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Engkau bukannya hati umat Islam, khususnya di Negeri Selangor untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan di dalam Al-Quran. Berkatilah hidup orang-orang yang



melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin, sucikanlah harta dan jiwa mereka agar mereka hidup dalam keredhaan-Mu. Kau lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ
وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.